

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROF. IR. TS. DR. MOHAMAD HAFIZ
MAMAT
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
*FRGS Sprint: From Concept to Proposal &
Crafting Impactful Publications in Digital
Culture, Creative Media & Information Futures***

**10 DISEMBER 2025 | RABU | 9.00 PAGI
BILIK SEMINAR FAKULTI SAINS MAKLUMAT
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Dr Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin
Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan
Jaringan Industri
Fakulti Filem, Teater dan, Animasi

YBrs. Prof. Madya. Dr Roziya Abu
Wakil Pengurusan Penyelidikan
Fakulti Sains Maklumat

Barisan Koordinator Penyelidikan Fakulti Sains
Maklumat dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**, yang Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, bersama-sama kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam Program ***FRGS Sprint: From Concept to Proposal dan Crafting Impactful Publications in Digital Culture***,

Creative Media & Information Futures bersama Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor.

3. Saya melihat inisiatif penganjuran program ini sebagai satu platform strategik untuk meningkatkan jumlah permohonan Geran FRGS dan penerbitan di UiTM Cawangan Selangor.

Hadirin sekalian,

4. Saya difahamkan, dua sesi bengkel disasarkan dalam 1 hari khusus untuk memperkasakan budaya penyelidikan dan impaknya di kampus kampus Puncak perdana.
5. Bengkel pertama: FRGS Sprint: From Concept to Proposal ini sangat signifikan kerana ia memberi ruang kepada para pensyarah dan penyelidik

membuat persediaan awal dalam penyediaan kertas Cadangan FRGS 2026.

6. Untuk makluman, UiTM Cawangan Selangor telah memperoleh 7 projek FRGS dan 6 PRGS pada tahun 2025 ini.
7. Berdasarkan rekod yang terdahulu, terdapat keperluan yang signifikan bagi dua fakulti di Kampus Puncak Perdana terutamanya, di dalam meningkatkan kadar perolehan geran dan penerbitan jurnal berimpak.
8. Sesi bengkel kedua; Crafting Impactful Publications in Digital Culture, Creative Media & Information Futures pula bertujuan untuk merangka manuskrip bagi sasaran penerbitan jurnal berimpak tinggi 2026.

9. Selain itu, bengkel ini turut bertujuan menyokong pencapaian objektif kualiti universiti dengan mengambil kira bahawa sasaran satu penerbitan artikel jurnal terindeks bagi setiap pensyarah yang menjadi sebahagian daripada Misi UiTM masih berada pada tahap 47 peratus.
10. Saya berharap semua peserta dapat memanfaatkan peluang ini sebaik-baiknya agar usaha ini dapat meningkatkan bilangan permohonan geran serta penerbitan berkualiti dari UiTM Selangor,
11. sekali gus menyokong memperkukuh keberhasilan dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi dan perolehan geran penyelidikan yang merupakan komponen teras dalam kerjaya pensyarah UiTM.

12. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada para penceramah dan fasilitator yang sudi meluangkan masa berkongsi kepakaran, serta jawatankuasa penganjur yang bekerja keras menjayakan bengkel ini.
13. Tahniah sekali lagi kepada pihak Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama daripada fakulti di atas penganjuran bengkel ini.
14. Semoga usaha ini membawa manfaat yang besar dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan penyelidikan di UiTM.

Sekian,

Wabillahitaufiq Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh